



Paradigma Baharu PdPR: Satu Sorotan Kajian

Siva, Rabindarang^{1*} & Vimala, Arjunan²

¹Kolej Vokasional Slim River, Slim River, 35800, Perak, Malaysia

²Sekolah Kebangsaan Hulu Bernam, Hulu Selangor, 35900, Selangor, Malaysia

*Corresponding author email: *siva_smstr@yahoo.com

Published: 30 Jun 2021

Abstrak: Pendidikan sedang melalui satu paradigma baharu sejajar dengan tuntutan semasa secara global. Sistem pendidikan perlu penyesuaian dan keseimbangan dengan situasi yang disebabkan oleh pandemik Covid-19. Pendidikan tetap diteruskan walaupun sebarang halangan mahupun rintangan. Paradigma baharu dalam pendidikan iaitu pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) telah menjadi alternatif pembelajaran semasa. Hal ini seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu setiap murid mendapat akses pendidikan dan mengikuti pendidikan walaupun dari rumah. Paradigma baharu ini adalah satu penyesuaian yang perlu diadaptasi, dilaksanakan dan dilaporkan agar kelangsungan serta kualiti pendidikan terjamin. Tujuan kertas konsep ini untuk membincangkan paradigma baharu dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah dengan merungkai kajian-kajian lepas. Kajian-kajian lepas merungkaikan bahawa pengajaran dan pembelajaran di rumah perlu diadaptasi, dilaksanakan serta dilaporkan agar mencapai matlamat yang ditetapkan oleh pemegang taruh. Namun begitu, kekangan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) tetap wujud. Kekangan-kekangan ini sentiasa diperhalusi, ditambahbaik dan diatasi. Pelbagai pendekatan seperti dokumen manual, kursus, webinar, gajet dan lain-lain sokongan sentiasa diberikan agar pengajaran dan pembelajaran di rumah tetap dilaksanakan dengan baik.

Kata kunci: Pendidikan, paradigma, pengajaran, pembelajaran, alternatif

1. Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) bukan lagi satu perkara baharu dalam situasi semasa yang disebabkan oleh pandemik Covid-19. Pandemik Covid-19 telah menyebabkan pelbagai implikasi dan mengubah keadaan semasa khususnya pendidikan di dalam negara kita (Mahad, Ugartini & Hamzah, 2021). Hal ini demikian kerana PdPR dilaksanakan secara atas talian serta tidak sesuai dilaksanakan secara bersemuka (Mahad, Ugartini & Hamzah, 2021; Martha, Junus, Santoso & Suhartanto, 2021; Ghavifekr & Yulin, 2021). Pelaksanaan PdPR adalah bergantung kepada arahan dan keadaan semasa yang disebabkan oleh pandemik Covid-19 (Majlis Keselamatan Negara, 2021; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021a). Keadaan ini mewujudkan satu paradigma baharu dalam pelaksanaan PdPR yang memerlukan perubahan serta pendekatan yang boleh diterima oleh semua pihak khususnya guru dan murid.

Pelbagai inisiatif serta pendekatan dilaksanakan agar PdPR dapat dilaksanakan secara terancang, tersusun dan seragam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020a; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020b; International Labour Organization, 2020; Commonwealth of Learning, 2020; UNESCO, 2020). Jadual 1 menunjukkan beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan sama ada dalam mahupun luar negara bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 1: Inisiatif Pengajaran dan Pembelajaran

Bil	Agensi	Inisiatif & Pendekatan
1.	Majlis Keselamatan Negara	i. KPM-PKP-SOP-Pendidikan
		ii. Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021
		iii. Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.
2.	Kementerian Pendidikan Malaysia	iv. Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia
		v. Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
		SVM/ SKM dan DVM
3.	International Labour Organization	i. <i>ILO-UNESCO Joint Survey on Technical and Vocational Education and Training (TVET) and Skills Development during the time of COVID-19</i>
4.	Commonwealth of Learning	i. <i>Strategies for blended TVET in Response to Covid-19</i>
5.	UNESCO	i. <i>Work-based learning and skills demonstrations during Covid-19 Promising Practice 2021</i>

Inisiatif dan pendekatan yang diambil adalah untuk memastikan pendidikan dapat dilaksanakan secara berterusan dan tiada kecaciran. Inisiatif dan pendekatan ini adalah meliputi prosedur operasi standard, panduan, strategi dan juga kajian penambahbaikan. Malah, pelbagai pendekatan juga dilaksanakan dalam negara untuk memastikan kelangsungan pendidikan. Pendekatan semasa yang dilaksanakan untuk memastikan pelaksanaan PdPR adalah seperti dalam jadual 2.

Jadual 2: Pendekatan PdPR

Bil	Pendekatan PdPR	Catatan
1.	Kurikulum	Penjajaran Kurikulum – Kandungan Asas, Kandungan Tambahan dan Kandungan Pelengkap (Peranan guru dan kemenjadian Murid)
2.	TV Pendidikan	Saluran Khusus TV Pendidikan – Didik TV dan Tutor TV (Mengikut Silibus Mata Pelajaran)
3.	Sokongan	Murid (Kaunseling & PRS), Guru (Kaunseling, Kursus & Latihan) dan Ibu bapa/Penjaga (Komunikasi dan PIBG)
4.	Lain-lain	Komputer Riba dan Sambungan Data kepada kumpulan sasar (murid B40)

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021c

Pendekatan yang dirancang serta dilaksanakan adalah bertujuan untuk membantu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah. Malah, dalam paradigma baharu ini pelbagai perkara perlu diadaptasi, dilaksanakan dan dilaporkan. Adaptasi ini meliputi kaedah pengajaran, penguasaan, penerapan dan pembelajaran yang perlu disesuaikan dengan pengajaran dan pembelajaran di rumah. Pelaksanaan pula merujuk kepada penggunaan teknologi, peralatan, audio, video dan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah. Manakala, pelaporan meliputi latihan, tugasan, pentaksiran dan penilaian yang perlu dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah. Oleh itu, artikel ini memfokuskan ketiga-tiga elemen dalam paradigma baharu dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah.

1.1 Objektif

Kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan paradigma baharu dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Objektif kertas konsep ini ialah menganalisa elemen-elemen adaptasi, pelaksanaan dan pelaporan. Elemen-elemen ini dianalisis merujuk sorotan kajian-kajian lepas. Ketiga-tiga elemen ini merupakan paradigma baharu yang perlu diamalkan serta disesuaikan dengan PdPR.

2. Sorotan Kajian

Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) telah menjadi satu proses pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan disebabkan oleh pandemik Covid-19. Pandemik ini telah menyebabkan impak yang besar dan semua institusi pendidikan terpaksa ditutup berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Mahad, Ugartini & Hamzah, 2021). Sebagai langkah alternatif, pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan sepenuhnya di rumah secara pembelajaran jarak jauh (Mahad et al., 2021; Martha et al., 2021; Ghavifekr & Yulin, 2021; Azuara, Abidin & Hassan, 2021; Muthuprasad et al., 2020). Pandemik ini telah memberikan implikasi yang besar dalam sistem pendidikan secara global. Menurut Commonwealth of Learning (2020), kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu diubah dan tidak lagi secara konvensional. Commonwealth of Learning (2020) mencadangkan perlu ada strategi pembelajaran teradun khususnya dalam pendidikan

TVET dan lain-lain secara amnya. Malah, UNECSO (2021) menyarankan agar pendidikan berasaskan kerja dan demonstrasi kemahiran adalah salah satu cara pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan.

Merujuk paradigma baharu dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), pembelajaran dalam talian dan alam maya perlu diadaptasi. Kaedah ini adalah satu keperluan agar dapat menjamin kelangsungan pendidikan dalam situasi semasa yang disebabkan oleh pandemik ini (Mahad et al., 2021; Azuara et al., 2021). Namun begitu, adaptasi ini bukan sahaja peranan satu pihak tetapi semua yang terlibat dalam pendidikan perlu berganding bahu serta menjayakannya. Guru dan murid perlu menyesuaikan diri serta menguasai kemahiran digital dan teknologi dalam PdPR (Mohd Nor, Nik Yusoff & Haron, 2020; Esteve-Faubel, Oller-Benitez & Aparicio-Flores, 2020). Keadaan ini adalah untuk menjamin agar pendidikan dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancang.

Pelaksanaan pendidikan dalam paradigma baharu ini memerlukan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan teknologi. Penggunaan teknologi adalah satu keperluan dalam pelaksanaan PdPR. Justeru, kemahiran dan pengetahuan perlu dimantapkan dengan latihan atau kursus-kursus sama ada secara dalaman atau luar (Esteve-Faubel et al., 2020). Malah, pelaksanaan PdPR meliputi pelbagai medium, peralatan dan gajet yang bersesuaian. Medium pelaksanaan pendidikan ialah perisian, sistem rangkaian dan sistem internet. Medium ini adalah keperluan penting bagi pelaksanaan pendidikan dalam paradigma baharu ini (Mohd Noorhadi & Tahir, 2017). Oleh itu, pelaksanaan pendidikan dalam paradigma baharu ini perlu penyesuaian dengan perisian, peralatan dan gajet yang sesuai.

Pelaporan pula merujuk kepada latihan, tugasan, pentaksiran dan lain-lain kaedah yang perlu disiapkan serta dihantar bagi tujuan penilaian. Aspek ini sangat penting bagi tujuan penilaian dan memastikan pentaksiran sentiasa berlaku walaupun semasa PdPR. Latihan-latihan boleh diberikan dalam talian bagi tujuan penilaian dan pentaksiran (Mahad et al., 2021). Latihan-latihan ini meliputi pelbagai jenis seperti mendengar, membaca, menulis dan bercakap (Duai & Mohd Nasri, 2021) yang boleh digunakan dalam pembelajaran dalam talian. Menurut Mohd Nor et al (2020) demonstrasi juga boleh dilaksanakan dalam pembelajaran atas talian ini. Oleh yang demikian, pelaporan adalah satu elemen penting dalam PdPR agar dapat menilai dan mentaksir murid.

2.1 Analisis Sorotan Kajian

Merujuk kajian-kajian lepas, paradigma baharu dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak iaitu pemegang taruh, guru, murid serta ibu bapa. Kajian lepas juga menyarankan agar pelaksanaan PdPR perlu diadaptasi, dilaksanakan dan dilaporkan agar dapat menjamin kelangsungan pendidikan. Jadual 3 adalah sorotan kajian lepas yang membincangkan elemen-elemen yang perlu diadaptasi, dilaksanakan dan dilaporkan.

Jadual 3: Sorotan Kajian

Bil	Sorotan Kajian	Analisis Sorotan Kajian		
		Adaptasi	Pelaksanaan	Pelaporan
1.	Hassan, Abidin, Hassan (2021)	Pembelajaran maya	Pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran dalam talian(e-pembelajaran)	Pentaksiran secara holistik
2.	Mahad, Ugartini & Hamzah (2021)	Pembelajaran secara talian	Penggunaan teknologi maklumat sebagai platform aplikasi mempelbagaikan BBM	Latihan dalam talian
3.	Duai & Mohd Nasri (2021)	Pendekatan PdPc berbantuan teknologi bagi pembelajaran dari rumah	Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdPc	Latihan mendengar, membaca, menulis dan bercakap
4.	Mohd Nor, Nik Yusoff & Haron (2020)	Penguasaan pengetahuan pedagogi ilmu kandungan	Penggunaan teknologi iaitu komputer dan internet dalam PdPc	Demonstrasi
5.	Mohd Nawi (2020)	Kemahiran komunikasi, 4M, sains dan teknologi	Penggunaan multimedia dalam PdPc	Soal jawab, demonstrasi dan perbincangan
6.	Esteve-Faubel et al (2020)	Penguasaan pendidikan menggunakan audio dan visual; Peningkatan konsep komunikasi	Latihan sendiri dan luar dalam penggunaan audio dan visual	Menganalisa dan menilai audio serta visual
7.	Faizah, Suwandi, Andayani, Rakhmawati (2020)	Penerapan audio dan visual dalam pembelajaran secara interaktif	Peningkatan penggunaan audio dan visual secara interaktif	Kompetensi komunikasi direkod dan dinilai
8.	Mazin, Norman, Nordin, Ibrahim (2020)	Penguasaan pengetahuan, kemahiran praktikal dan afektif	Video dirakam menunjukkan kerja praktikal beserta pengetahuan dan nilai	Penilaian kecekapan bertulis dan praktikal

9.	Anesman, Abdul Rahman, Hussain & Mohd Zulkifli (2020)	Penerapan konsep teori	Penggunaan alat bantu mengajar teknologi	Penilaian hasil pembelajaran pelajar
10.	Daud, Abd Raman & Ab. Jalil (2020)	Penguasaan teori, pengetahuan dan kemahiran visual	Penggunaan teknologi grafik, video dan audio sebenar ke maya	Penyiapan tugas praktikal
11.	Che Azizan & Nasri (2020)	Pembelajaran dalam talian dengan gunakan teknologi menggantikan bersemuka	Penggunaan modul bercetak dan bahan pembelajaran internet seperti Youtube	Tugas pelajar dan dikemaskini dari masa ke masa
12.	Noorhadi & Tahir (2017)	Meneroka, menguasai dan mendalami ilmu dengan secara sistematik; Daya kreatif dan inovatif memupuk minat	Medium utama penggunaan media teknologi iaitu komputer dan perisian, sistem rangkaian, perisian dan pangkalan data (sistem internet)	Berkongsi maklumat dan bahan akademik; Tugas dibentangkan secara online; Penyimpanan bahan pembelajaran
13.	Abdul Majid, Makhtar & Shamsuddin (2018)	Penerapan model realiti maya dalam pembelajaran	Teknologi realiti maya - bahan bantu mengajar (BBM) dalam bentuk tiga dimensi (3D), visualisasi, dan penerokaan.	Tugas dan latihan
14.	Sidek & Hashim (2016)	Kepelbagaian kaedah pengajaran memberi motivasi dan minat	Penggunaan video menggalakkan strategi pembelajaran berpusatkan pelajar, mudah dan menyeronokkan	Latihan pembelajaran diberikan secara visual dan dinilai

3. Perbincangan

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) telah dilaksanakan serta sentiasa ditambah baik merujuk keperluan semasa. Merujuk paradigma baharu yang perlu diadaptasi dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah, guru dan murid mesti menguasai pelbagai pengetahuan dan kemahiran. Adaptasi yang penting dalam paradigma baharu ini ialah pembelajaran secara talian (Azura, Abidin & Hassan, 2021; Mahad, Ugartini & Hamzah, 2021; Che Azizan & Nasri, 2020). Pembelajaran secara talian memerlukan penguasaan serta kemahiran tertentu agar pengajaran dan pembelajaran di rumah berjalan lancar. Menurut Mohd Nor, Nik Yusoff & Haron (2020); Mazin et al (2020); Anesman, Hussain & Zulkifli (2020); Daud, Abd Raman & Ab. Jalil (2020); Sidek & Hashim (2016) penguasaan meliputi pengetahuan ilmu kandungan, penerapan konsep teori dan kepelbagaian kaedah mengajar. Selain itu, komunikasi juga merupakan salah satu kemahiran yang diadaptasi dalam paradigma baharu dalam pendidikan (Mohd Nawi, 2020). Kemahiran-kemahiran lain iaitu kemahiran praktikal Mazin et al (2020), kemahiran afektif (Mazin et al., 2020) dan kemahiran audio/visual (Daud, Abd Raman & Ab. Jalil, 2020) perlu diadaptasi dalam menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di rumah.

Sorotan kajian lepas juga menguraikan bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah memerlukan penggunaan teknologi, pelbagai bahan bantu mengajar, peralatan serta gajet. Menurut Azura, Abidin & Hassan (2021); Mahad, Ugartini & Hamzah (2021); Duai & Mohd Nasri (2021); Daud, Abd Raman & Ab. Jalil (2020) menyarankan agar teknologi yang bersesuaian digunakan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah. Teknologi-teknologi ini meliputi maklumat, aplikasi, komputer, internet, grafik, audio dan video. Menurut Sidek & Hashim (2016) penggunaan video menggalakkan strategi pembelajaran berpusatkan pelajar, mudah dan menyeronokkan. Malah, penggunaan bahan pembelajaran daripada internet seperti *Youtube* juga adalah antara teknologi perlu digunakan (Che Azizan & Nasri, 2020). Aplikasi seperti *WhatsApp*, *Telegram* & *Zoom* juga sangat membantu pelaksanaan pembelajaran atas talian. Perisian, sistem rangkaian dan pangkalan data juga antara teknologi yang digunakan dalam pembelajaran dalam talian (Mohd Noorhadi & Tahir, 2017). Abdul Majid, Makhtar & Shamsuddin (2018) menyatakan bahawa teknologi realiti maya iaitu bahan bantu mengajar dalam bentuk tiga dimensi (3D) dapat membantu pelaksanaan pembelajaran atas talian. Hal ini bertujuan untuk menambah minat serta pemahaman tentang pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Malah, latihan tambahan secara sendiri mahupun daripada luar juga adalah satu keperluan untuk peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (Esteve-Faubel, Oller-Benitez & Aparicio-Flores, 2020). Perkara ini adalah bertujuan untuk menjamin kualiti dan keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah.

Merujuk aspek pelaporan dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah, guru perlu memberikan latihan, tugas, melaksanakan pentaksiran dan penilaian. Murid pula bertanggungjawab untuk menyelesaikan dan menghantar latihan dan tugas yang telah diberikan. Justeru, pelbagai kaedah atau cara pelaporan boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah. Menurut Mahad, Ugartini & Hamzah, 2021; Sidek & Hashim (2016), latihan boleh diberikan dalam talian. Latihan atau tugas atas talian yang boleh diberikan kepada murid dengan menggunakan pelbagai aplikasi seperti *Kahoot*, *Quizizz* dan *Edpuzzle* menerusi platform Delima. Malah, pelaporan juga boleh dilaksanakan secara

demonstrasi (Mohd Naw, 2020; Mohd Nor, Nik Yusoof & Haron, 2020). Sorotan kajian lepas juga menguraikan bahawa penilaian boleh dilaksanakan atas talian bagi tujuan mengesan tahap dan prestasi murid (Mazin et al., 2020; Anesman, Hussain & Zulkifli, 2020).

Pengadaptasian, pelaksanaan dan pelaporan adalah tiga elemen yang penting bagi paradigma baharu dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah. Hal ini dapat menjamin kualiti dan keberkesanan pembelajaran atas talian yang mana sentiasa memerlukan perubahan serta penambahbaikan. Justeru, semua pihak yang terlibat perlu bekerjasama serta komited dengan pembelajaran atas talian.

4. Kesimpulan

Sorotan kajian lepas menguraikan bahawa paradigma baharu dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) perlu diadaptasi, dilaksanakan dan dilaporkan. Ketiga-tiga elemen ini adalah untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran di rumah berkualiti, berkesan dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Menurut Faizah et al (2020) penerapan teknologi dapat mewujudkan pembelajaran yang interaktif. Kompetensi daripada pembelajaran interaktif ini dapat direkod dan dinilai. Justifikasi ini menunjukkan teknologi dalam pembelajaran atas talian perlu diadaptasi, dilaksanakan dan dilaporkan agar kualiti pendidikan terjamin. Guru dan murid perlu sentiasa terbuka, bekerjasama dan komited dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah agar pendidikan dapat diperkasakan dan ke arah digital (Eliza, Jenal & Yahaya, 2020). Guru disarankan untuk bertindak sebagai pemudah cara agar murid dapat mengikuti pembelajaran atas talian dengan berkesan.

Walaupun pengajaran dan pembelajaran di rumah dilaksanakan seperti dirancang, tetapi cabaran dan kekangan sentiasa wujud (Che Azizan & Nasri, 2020). Justeru, semua pihak iaitu pemegang taruh, guru, murid dan ibu bapa perlu sentiasa rasional serta berganding bahu untuk memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di rumah. Kesimpulannya, pengajaran dan pembelajaran di rumah mampu mencapai matlamat dengan kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat dalam pendidikan.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang membantu dalam penulisan ini.

Rujukan

- Abdul Majid, A. H., Makhtar, M., & Shamsuddin, S. N. W. (2018). Keperluan Pembelajaran Berasaskan Realiti Maya dalam Konstruksi Pemasangan Komponen Komputer Mata Pelajaran TMK SPM Pendidikan di Malaysia: Satu Kajian Rintis. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 28-44.
- Anesman B. W., Hussain, M. A. M., & Zulkifli, R. M. (2020). Teaching Vocational with Technology: A Study of Teaching Aids Applied in Malaysian Vocational Classroom. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(7), 176-188.
- Azuara, S., Abidin, S. Z., & Hassan, Z. (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian (e-Pembelajaran) terhadap Pembelajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 10(2), 1-14.
- Duai, B., & Mohd Nasri, N. (2021). Pendekatan Pembelajaran Berbantuan Teknologi dari Perspektif Murid Terpinggir Sewaktu Pandemik Covid19. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(10), 134 - 147.
- Che Azizan, S. N., & Nasri, N. M. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian Melalui Pendekatan Home Based Learning (HBL) Semasa Tempoh Pandemik Covid-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 46-57.
- Commonwealth of Learning. (2020). Strategies for blended TVET in Response to Covid-19. *Learning for Sustainable Development*, 1-18.
- Daud, R., Abd Raman, N. A., & Ab. Jalil, Z. (2020). Penggunaan Augmented Reality Video Di Dalam Pendidikan TVET. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 253-263.
- Eliza, A. T., Jenal, R., & Yahaya, J. (2020). Penerokaan Penggunaan E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar dan Pengajar TVET - Satu Kajian Awal. *Akademika 90 (Isu Khas 3)*, 5-18 <https://doi.org/10.17576/akad-2020-90IK3-01>.
- Esteve-Faubel, R. P., Oller-Benitez, A., & Aparicio-Flores, M. P. (2020). Perceptions of Future Teachers of Audiovisual Education and Communication. Challenges in Training for a Sustainable. *Education Sustainability 2020*, 12 (10296).

- Faizah, U., Suwandi, S., Andayani & Rakhmawati, A. (2020). The Effectiveness of Interactive Audio Visual Learning Media in Speaking Competence for Dakwah. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(6), 1193-1202.
- Ghavifekr, S. & Yulin, S. (2021). Role of ICT in TVET Education: Teaching & Learning amid COVID-19 Pandemic. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 3(1), 119-131.
- International Labour Organization. (2020). ILO-UNESCO Joint Survey on Technical and Vocational Education and Training (TVET) and Skills Development during the time of COVID-19.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020a). Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah. Kementerian Pendidikan Malaysia, 1-9.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020b). Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Norma Baharu SVM/SKM dan DVM. Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional, 1-35.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020c). Pencerahan Dr. Radzi Jidin, Menteri Kanan Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mahad, I., Ugartini, M. & Hamzah, I. N. S. (2021). Sikap dan Motivasi Murid Sekolah Rendah terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Malay Language Education Journal*, 11(1), 16-28.
- Majlis Keselamatan Negara. (2021). Sektor Pendidikan (PKP), dikemaskini pada 31 Mei 2021.
- Martha, A. S. D., Junus, K., Santoso, H. B., & Suhartanto, H. (2021). Assessing Undergraduate Students' e-Learning Competencies: A Case Study of Higher Education Context in Indonesia. *Educ. Sci.* 2021, 11(189). 1-18. <https://doi.org/10.3390/educsci11040189>.
- Mazin, K. A., Norman, H., Nordin, N., & Ibrahim, R. (2020). Student Self-Recording Videos for TVET Competency in MOOCs. *Journal of Physics: Conference Series* 1529(2020) 042061 IOP Publishing.
- Mohd Naw, M. Z. (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. *Journal of ICT in Education*, 7(2), 14-26.
- Mohd Nor, R., Nik Yusoff, N. M. R., & Haron, H. (2020). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Seni Visual Selangor (GCPSV): Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 125-140.
- Mohd Noorhadi., & Tahir, Z. (2017). Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat dalam Pendidikan IPTA. *Journal of Social Science and Humanities*, 12(3), 023 ISSN: 1823-884x.
- Muthuprasad, T., Aiswarya. S., Aditya, A. S., & Girish. K. (2020). Students' Perception and Preference for Online Education in India During COVID -19 Pandemic. *Jha Social Sciences & Humanities Open* 3 (2021) 100101.
- UNESCO. (2021). Work-based learning and skills demonstrations during COVID-19. Promising Practice 2021.
- Sidek, S., & Hashim, M. (2016). Pengajaran Berasaskan Video dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Analisis dan Kajian Kritikal. *Journal of ICT in Education*, 3, 24-33.